

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : Y.B. DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID [KAPAR]**
TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah terdapat penambahan hutang negara bagi menampung kos melawan penularan COVID-19 dan pakej-pakej bantuan akibat pandemik. Sekiranya ada, berapa jumlah hutang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Susulan gelombang ketiga penularan COVID-19 sejak Januari 2021, Kerajaan telah melaksanakan semula Perintah Kawalan Pergerakan bagi membendung penularan COVID-19. Pandemik COVID-19 yang berterusan ini telah meningkatkan paras hutang Kerajaan Persekutuan berikutan keperluan penyediaan peruntukan untuk 4 pakej bantuan tambahan iaitu PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA Tambahan dan PEMULIH, yang kesemuanya bernilai 225 bilion ringgit dengan suntikan fiskal baharu yang dianggarkan berjumlah 25 bilion ringgit bagi terus meningkatkan kapasiti kesihatan awam, memelihara kebajikan rakyat dan kelangsungan perniagaan.

2. Nisbah hutang statutori Kerajaan Persekutuan sehingga akhir-Ogos 2021 yang merangkumi instrumen Sekuriti Kerajaan Malaysia, Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia, mencatat 59.2% kepada KDNK atau 902.7 bilion ringgit, iaitu masih di bawah had 60% yang ditetapkan dalam Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020. Selain itu, hutang Bil Perbendaharaan Malaysia pada akhir-Ogos 2021 berjumlah 8 bilion ringgit, tidak melebihi had 10 bilion ringgit yang ditetapkan di bawah Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946. Hutang luar pesisir pula berjumlah 30.5 bilion ringgit, iaitu masih di bawah had 35 bilion ringgit yang ditetapkan dalam Akta Pinjaman Luar Negeri (1963). Justeru, hutang keseluruhan Kerajaan Persekutuan yang merangkumi kesemua instrumen adalah berjumlah 965.3 bilion ringgit atau 63.3% kepada KDNK.

3. Pada masa ini, keutamaan Kerajaan adalah untuk memastikan pelaksanaan semua langkah yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2021 dan pakej-pakej bantuan bagi melindungi rakyat serta memastikan prospek pertumbuhan ekonomi kekal kukuh, disokong oleh Pelan Pemulihan Negara, kelancaran program vaksinasi di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (atau PICK) serta pengurusan kewangan Kerajaan yang berhemat. Justeru, Kerajaan akan terus

memantau situasi penularan COVID-19 dan persekitaran ekonomi serta bersedia untuk memberi sokongan fiskal tambahan sekiranya diperlukan.

4. Selain itu, Kerajaan terus komited bagi meneruskan agenda pembangunan negara yang telah diperincikan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas serta langkah-langkah yang akan diumumkan dalam Belanjawan 2022. Oleh yang demikian, Kerajaan bercadang untuk menaikkan had siling Kumpulan Wang COVID-19 (atau KWC) daripada 65 bilion ringgit kepada 110 bilion ringgit dan meningkatkan had statutori hutang daripada 60% kepada 65% kepada KDNK untuk mewujudkan ruang fiskal tambahan. Satu rang undang-undang bagi meminda kedua-dua had ini akan dibentangkan pada mesyuarat kali ini. Had yang dicadangkan ini mengambil kira keperluan pembiayaan KWC serta pelaksanaan program dan projek di bawah RMKe-12. Pelan dan strategi yang lebih terperinci akan dibentangkan dalam Belanjawan 2022 kelak.

Sekian, terima kasih.